

PROSA TRADISIONAL : KUMPULAN CEMERLANG

MODUL AMANJAYA

SASTERA EPIK

BAHAGIAN SATU

SET 1 :

Maka pendekar Jepun itu pun turun ke tanah menghunus pedangnya serta dengan amarahnya ,beberapa dilarang oleh hulubalang Siam tiada didengarnya. Phra Cau sendiri lalu dilarangnya. Maka ia pun berseru-seru,katanya, “Hai Melayu, turunlah engkau! Jika tiada turun supaya kunaiki balairung kutendas kepalamu.”

(Dipetik daripada Sastera Epik :Hang Tuah Diutus ke Siam m/s 52)

Berikan **dua** teknik penceritaan berserta contoh yang terdapat dalam petikan tersebut. [4 markah]

SET 2 :

Sebermula Si Jepun yang brtujuh itu pun eralu amrah serta katanya. Cih, tiada berbudi Melayu ini! Ia hendak menunjukkan beraninya kepadaku,” lalu ia menghunus pedangnya lalu diparangnya segala hulubalang yang di hadapan itu. Maka gemparlah segala oban dan okun, aprak amun-amun pun habis berterjunan di balairung itu.

Dipetik daripada Sastera Epik, Hang Tuah Diutus Ke Siam

Nyatakan **dua** gaya bahasa berserta contoh yang sesuai.

[4 markah]

SET 3 :

Maka sebermula Jepun yang lepas dua orang itu mudik ke hulu Siam, lalu ke Kemboja. Setelah sampai maka ia memberitahu segala tempat di Kemboja itu, segala hal ehwalnya diberinya tahu. Maka segala Jepun yang di Kemboja itu pun terlalu amarah lalu ber lengkap akan mengadang Laksamana itu. Setelah lengkap, maka Jepun itu pun hilirlah lalu ke Benua Siam. Maka kata panglima Jepun itu, “Di sinilah baik kita mengadang Laksamana itu.” Maka lalu ia duduk di kuala itu.

Dipetik daripada Sastera Epik, Hang Tuah Diutus ke Siam

Nyatakan **empat** latar tempat yang terdapat dalam petikan prosa tradisional di atas.

[4 markah]

SET 4 :

Setelah datang kepada Laksamana , maka kata Syahbandar , “adapun hamba datang ini disuruhkan Oga Bagelang mengajar perintah mengadap raja Phra Cau, kerana perintah Siam lain, Meayu lain. Pertama masuk ke dalam itu dengan seorang dirinya, tiada boleh masuk dengan budak-budak,. Apabila sampai ke hadapan raja , merangkahlah sambil menyembah .”

(Dipetik daripada Sastera Epik : *Hang Tuah Diutus Ke Siam*)

Berdasarkan petikan di atas, berikan **dua** adab yang perlu Hang Tuah lakukan untuk mengadap raja Siam [4 markah]

SET 5 :

Setelah dilihat oleh Phra Cau Laksamana amarah itu , maka titah Phra Cau , “Laksamana jangan amarah.” Maka Laksamana pun menyembah “ Daulat tuanku, patik mohonkan ampun. Adapun hulubalang Melayu itu tiada dapat menegur kata yang keji ditengah-tengah majlis .

Dipetik daripada Sastera Epik : *Hang Tuah Diutus Ke Siam*

Nyatakan **dua** pengajaran yang terdapat dalam petikan di atas .

[4 markah]

SET 6

Hai Laksamana, jangankan empat ekor Raja Melaka hendakkan gajah, jika empat puluh sekalipun kita beri!” Maka sembah Laksamana, “Daulat Tuanku.” Maka Phra Cau pun hairan melihat sikap Laksamana dan tahu berkata-kata cara Siam dengan fasih lidahnya dan manis suaranya.

Dipetik daripada Sastera Epik *Hang Tuah Diutus Ke Siam*.

Nyatakan **dua** nilai murni berserta contoh yang tedapat dalam petikan di atas.

[4 markah]

BAHAGIAN DUA

SET 1:

Sastera epik merupakan sastera yang mengisahkan kepahlawanan , keberanian dan kesetiaan watak wira yang luar biasa.

- a) Berdasarkan sastera epik, huraikan **dua** perwatakan Hang Tuah . [8 markah]
- b) Jeaskan **empat** pengajaran yang terdapat dalam sastera epik tersebut. [12 markah]

SET 2 :

Berdasarkan Sastera Epik : *Hang Tuah Diutus Ke Siam*.

- a) Huraikan **empat** persoalan [12 markah]
- b) Jelaskan **dua** latar masyarakat [8 markah]

SET 3 :

Berdasarkan Sastera Epik : *Hang Tuah Diutus Ke Siam*.

- a) Jelaskan **dua** ciri sastera epik [8 markah]
- b) Huraikan **empat** nilai yang terdapat dalam hikayat tersebut [12 markah]

SET 4 :

Berdasarkan Sastera Hikayat, *Hikayat Parang Puting* dalam antologi *Nilai Insan*, jawab soalan berikut:

- a) Huraikan **temanya**. [4 markah]
- b) Jelaskan **empat** persoalan di dalamnya. [8 markah]
- c) Jelaskan **dua** perwatakan Budak Miskin. [8 markah]

SET 5 :

Berdasarkan *Sastera Panji* dalam teks *Nilai Insan* :

- a) Jelaskan **empat** persoalan. [8 markah]
- b) Huraikan **tiga** nilai murni [6 markah]
- c) Jelaskan **tiga** pengajaran yang ingin disampaikan pengarang . [6 markah]

SET 6 :

Berdasarkan cerita sastera hikayat , ‘*Hikayat Parang Putting*’

- a) Huraikan tema cerita [4 markah]
- b) Bincangkan **empat** latar tempat berserta contoh peristiwa [8 markah]
- c) Huraikan **empat** nilai murni [8 markah]